

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN SEJARAH

SEJARAH PENEMPATAN DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI LENGGENG, NEGERI SEMBILAN

MOHAMMAD MARWAZI B. RAMLI

Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera Dengan Kepujian pada sesi 2000/2001.

Penyelia

Tarikh

Ketua Jabatan Sejarah

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan
ringkasan-
ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya sertakan sumbernya.

31 Mac 2001



A 66789

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah
lagi maha mengasihani

Alhamdulillah, setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya di beri sedikit kemampuan dan kesabaran untuk menyiapkan kertas projek ini. Semoga usaha yang sedikit ini mendapat nilaian di sisi Allah S.W.T.

Di ruangan ini juga, saya berbesar hati merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Yahya Bin Abu Bakar selaku penyelia yang telah banyak membantu dan meluangkan masa untuk membimbing saya bagi menyiapkan kertas projek ini. Ucapan ribuan terima kasih juga di ucapkan kepada penduduk Lenggeng, Negeri Sembilan . Semoga Allah membalas segala kerjasama yang ditaburkan.

Terima kasih juga di ucapkan kepada keluarga tersayang kerana memberi dorongan yang padu untuk menyiapkan kertas projek ini.

Khas buat Haslinda Bt. Md. Amin terima kasih atas segala pertolongan, dirimu tetap dalam ingatanku. Kepada teman-teman terutamanya teman serumah, kenangan bersama kalian adalah saat-saat yang indah, semoga persahabatan ini akan kekal abadi buat selamanya.

Akhir bicara, semoga kajian yang sekelumit ini dapat menjadi panduan untuk semua.

Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan

Mohammad Marwazi b Ramli
Kampung Bukit Jambul
Mukim Ayer Puteh
06720 Pendang
Kedah, D.A

ABSTRAK

Kertas projek ini mengkaji tentang kedatangan orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Malaysia terutamanya di Negeri Sembilan. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat sejarah awal penempatan mereka di Lenggeng dan juga keadaan sosioekonomi masyarakat tersebut. Di dalam kertas projek ini juga turut membincangkan tentang kedudukan mereka di zaman pemerintahan Inggeris, Jepun dan selepas merdeka. Melalui kertas projek ini juga telah membincangkan mengenai bidang sosioekonomi masyarakat Minangkabau di Lenggeng dengan lebih terperinci iaitu pada awal tahun 1900 hingga era selepas merdeka.

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI FOTO	xi
BAB 1	
1.0 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN POLA PENEMPATAN DI LENGGENG	1
1.1 Masyarakat Lenggeng Sekitar Akhir Abad ke 19 Dan Awal Abad Ke 20	5
1.1.1 Pola Penempatan	10
1.2 UNSUR KEBUDAYAAN ASLI YANG TERDAPAT DALAM KOMUNITI MINANGKABAU	12
1.2.1 Dari Segi Kepimpinan	12
1.2.2 Tradisi Adat	15
1.2.3 Tradisi Merantau	18

BAB 2

2.0 KEGIATAN EKONOMI AWAL 1900-1940	24
2.1 USAHA AWAL MASYARAKAT MINANGKABAU DI LENGGENG	24
2.1.1 Padi	24
2.1.2 Hasil-Hasil Hutan	27
2.1.3 Melombong Bijih Timah	28
2.2 KESAN PENGENALANDAN PERKEMBANGAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU	29
2.2.1 Campurtangan Inggeris Di Sungai Ujong	29
2.2.2 Sektor Getah Sebagai Tanaman Baru Di Lenggeng	31
2.2.3 Perlombongan Sebagai usaha Produktif	36

BAB 3**KEHIDUPAN MASYARAKAT ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN DAN DARURAT (1941-1957)**

3.0 PENGENALAN	39
3.1 EKONOMI MASYARAKAT LENGGENG DI ZAMAN JEPUN	40
3.1.1 Pendudukan Jepun Di daerah Seremban	40
3.1.2 Keadaan Hidup Penduduk Minangkabau Lenggeng Semasa Jepun	40
3.1.3 Pentingnya Lenggeng Kepada Pihak Jepun	45

3.2 KEADAAN HIDUP ORANG-ORANG MINANGKABAU LENGGENG DI ZAMAN DARURAT	49
3.2.1 Kedudukan Ekonomi Masyarakat	49
3.2.2 Tujuan Komunis Ke Lenggeng	52

BAB 4**PERKEMBANGAN EKONOMI SELEPAS MERDEKA
(1957-1975)**

4.0 SUMBANGAN AGENSI PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN	55
---	-----------

BAB 5

KESIMPULAN	74
-------------------	-----------

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Perbandingan Keluasan Dalam Pelbagai Tanaman Di Mukim Lenggeng dan Mukim Setul Tahun 1972

Jadual 2: Harga Pasaran Getah Di Seluruh Negeri Sembilan di Antara Tahun 1972 Hingga 1975

Jadual 3: Perlaksanaan Rancangan Pemulihian Tanah Sawah bagi Mukim Lenggeng dan Mukim Setul pada tahun 1975

Jadual 4 : Perlaksanaan Rancangan Tanaman Padi dua Kali Setahun Di kampung Yang Terlibat di Lenggeng Pada Tahun 1975

Jadual 5 : Jumlah Kawasan Yang Dicadangkan Dan Dilaksanakan Untuk tanaman Pisang Di Kampung Sungai Petai Dan Sungai Macang Hilir, Lenggeng Untuk Tahun 1975

SENARAI FOTO

FOTO 1

Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin
Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2

Surau Kampung Mendom, Lenggeng
Sungai Lenggeng

FOTO 3

Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui
Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan

BAB I

1.0 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN POLA PENEMPATAN DI LENGGENG

Lenggeng merupakan sebuah kawasan yang menjadi tumpuan komuniti Minangkabau dalam jumlah yang agak besar. Lenggeng terletak di dalam daerah Sungai Ujong,¹ kenyataan dari E.W Birch iaitu seorang Residen British Di Negeri Sembilan melaporkan bahawa pada tahun 1897 lembah Lenggeng merupakan sebuah kawasan yang telah di datangi oleh orang-orang perantau dari Sumatera² lebih kurang dalam lingkungan tiga puluh tahun yang lampau.³

Walau bagaimanapun sejarah pembukaan Lenggeng serta munculnya nama Lenggeng itu tidak dapat dipastikan setakat ini. Apa yang pasti iaitu mengikut keterangan dari En. Rahman Bin Taib,⁴ Lenggeng pada waktu dahulunya merupakan

¹ Sekarang di kenali sebagai Bandar Seremban

² Dikenali juga sebagai Negeri Minangkabau

³ E.W.Birch. Annual Report For The Year 1897-1917

⁴ Temubual Dengan En. Rahman B. Taib pada 12 Januari 2001

sebuah penempatan orang Asli⁵. Nama ‘Lenggeng’ telah di ambil dari salah seorang di kalangan orang asli tersebut dan di sekitar penempatannya banyak ditanam pokok-pokok seperti jering untuk makanan keluarganya. Di samping itu mereka juga meneroka kawasan seperti Batang Cing hingga ke Pantai⁶.

Namun begitu, terdapat juga sumber lain yang menjelaskan bahawa nama Lenggeng diperolehi daripada nama seekor ikan. Kedatangan orang Batak iaitu dikatakan jauh lebih awal dari orang-orang Minangkabau telah datang untuk menemui Tok Batin (Ketua orang Asli) bertanya tentang tempat untuk memperolehi makanan. Tok Batin menunjukkan sungai Lenggeng sebagai tempat memperolehi ikan. Namun begitu ikan yang diperolehi oleh orang Batak tersebut seakan-akan menyamai ikan sembilang. Di dalam bahasa Minangkabau ikan ini dipanggil sebagai Lanjing.⁷

Sementara itu, menurut R.J. Wilkinson di dalam bukunya , *Papers On Malay Subject*, telah memberi tempoh antara 1450-1600 yang dianggap sebagai zaman Sakai.⁸ Oleh yang demikian, kemungkinan kewujudan orang Asli di Lenggeng bolehlah dipercayai. Orang-orang Asli ini kemudiannya telah berpindah ke tempat

⁵ Juga dikenali sebagai orang Jakun atau orang Biduanda tetapi orang Melayu Negeri Sembilan memanggil mereka orang Bukit atau Sakai.

⁶ Sekarang dikenali sebagai Kg Mendom, Beranang, Gebok, Pajam, Setul, Batang Benar.

⁷ Pada masa ini masih lagi wujud ikan Lanjing di Sungai Lenggeng tetapi tidak lagi dimakan orang ramai.

⁸ R.J.Wilkinson , 1971,*Papers On Malay Subject*, Oxford University Press, Kuala Lumpur/ Singapore, hlm 283

lain setelah Lenggeng dikunjungi oleh orang-orang Minangkabau.⁹ Namun begitu, masih lagi terdapat segelintir orang Asli yang masih menetap dan memeluk agama Islam, di Lenggeng dan seterusnya berlaku perkahwinan dengan golongan pendatang dari Sumatera tersebut.

Malah mengikut pendapat J.M. Gullick, pendudukkan awal orang-orang Asli adalah di sekitar Sungai Langat dan Lenggeng, kemudiannya diperluaskan ke Jelebu, Johol, Klang, dan Sungai Ujong. Menurut beliau lagi, terdapat sebuah lagenda Melayu pada zaman dahulu di Sungai Juang terdapat keturunan orang Asli yang bergelar ‘Batin Sri Alam’ yang mempunyai empat orang anak iaitu Nenek Kerbau yang kesuciannya menetap di Johor, Toh Jelopong di Jerebu dan Batin Berchanggai Besi bersama adiknya. Sementara Toh Ketompang telah tinggal di Ulu Beranang, Lenggeng di daerah Sungai Ujong.

Batin Berchanggai Besi berkahwin dengan Toh Bedurai serta memperolehi seorang anak yang di beri nama Toh Dara Derani. Sementara itu Bati Berchanggai Besi juga mempunyai seorang anak angkat bernama Putri Mayang Selida, yang dikatakan dijumpai sejak masih bayi lagi di sebuah gua dalam hutan. Putri ini dikatakan mempunyai tingkah laku yang agak ganjil kerana dipercayai tidak memakan sebarang makanan melainkan umbut-umbut kayu serta buah-buahan. Setelah dewasa dikatakan Sultan Johor bermimpikan Putri Mayang Selida dan di

⁹ Temubual En. Rahman b. Taib, temubual pada 12 Januari 2001



dalam mimpiinya telah menggambarkan bahawa Putri tersebut berada di sebuah kawasan yang air sungainya sangat kuat dan deras.¹⁰

Bermula dari sinilah Sultan Johor telah mudik dari selatan sambil menimbang setiap cabang anak sungai bagi memastikan air sungai manakah yang paling berat. Akhirnya Sultan Johor sampai ke destinasi di persimpangan sungai Semenyih dekat Lenggeng dan mendapati air sungainya sangat deras dan berat. Bertolak dari sinilah Sultan Johor telah berjumpa dengan Putri Mayang Selida serta mengambil keputusan untuk mengahwininya. Melalui perkahwinan ini Baginda telah dikurniakan empat orang anak iaitu Toh Engku Klang, Bendahara Sekudai, Mandika Akhirzaman dan Johan Pahlawan Lela Perkasa yang masing-masing membuka petempatan di Klang, Sg. Ujong, Jelebu dan Johol.¹¹ Melalui penjelasan di atas dapatlah dibuat andaian bahawa kisah ini sangat berkaitrapat dengan pendapat Martin Lister di dalam petikannya di bawah mengenai terdapat empat orang Batin dari keturunan orang Asli:

"It is difficult to say how long ago it was that a great number of sakai travelled from the mountain of Skudei and arrived in Johol. Their number amounted to as many grains... There were four great Chiefs, or Batims, amongst these Sakai. There were man and one women. The women elected to remain in Johol. The three men separated with their folowers; one went to Jelebu, one to Klang, and one to Sg. Ujong. These are the Suku

¹⁰ J.M Gullick, 1949, " Sungai Ujong", JMBRAS, 22(2), hlm 3

¹¹ Buyung Adil, 1981, *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm 3-9

Pada ketika orang-orang Rawa telah merempuh masuk ke Lenggeng, Datok Kelana Kawal¹⁴ yang pada waktu itu sedang berada di Rembau bagi menyelesaikan keadaan huru-hara di sana. Oleh itu, amanah untuk menjaga keamanan dan tanggungjawab telah diberikan kepada Laksamana Sending bagi meleraikan perperangan tersebut. Panglima Gatun iaitu ketua orang-orang Rawa telah mengutuskan orang suruhannya iaitu Sutan Besar dan Taral untuk menemui Datok Kelana Kawal bagi mendapatkan satu persetujuan penyelesaian dengan Sungai Ujong. Melalui orang suruhannya (Panglima Garang Latun) berhasrat untuk menetap di Lenggeng dengan tujuan mengutip cukai daripada para pekerja Cina (pekerja kilang padi dan lombong) terutamanya di Song Poh, Setul dan di bahagian Lenggeng yang lain. Melihat kepada kekuatan orang-orang Rawa yang dikatakan kuat dan suka berperang telah memaksa Datok Kelana Kawal bersetuju dengan permintaan tersebut. Oleh yang demikian bermulalah penghidupan orang-orang Rawa di sekitar Lenggeng dan Kuala Song Poh.

Tidak lama kemudian iaitu selepas Panglima Garang Latun berada di Lenggeng, beliau telah dikunjungi oleh empat orang dari Minangkabau dikenali sebagai Haji Malin, Haji Saleh, Kimun dan Taib Buku. Keempat-empat mereka ini kemudiannya tinggal bersama dengan Panglima Garang Latun.¹⁵ Pada mulanya mereka berhijrah ke Mantin tetapi kemudiannya mengambil keputusan untuk ke

¹⁴ Datok Kelana Sungai Ujong sekitar tahun 1830an

¹⁵ M.Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoelo,1970,. *Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau*. Jakarta: Padang Pandjang.

*Yang Ampat and are the origin of the Undang Yang Ampat, the four law-givers.....*¹²

1.1 Masyarakat Lenggeng Sekitar Akhir Abad ke 19 Dan Awal Abad Ke 20

Sekitar akhir abad ke 19, Lenggeng telah diduduki oleh orang Melayu Minangkabau.

F.W. Nicholson telah melaporkan, iaitu sebelum penghijrahan mereka:

“50 atau 60 tahun dahulu Tan Ali telah berkahwin dengan seorang perempuan Gebok; kedua-duanya berhijrah ke Lenggeng dan membuka tanah hutan berhampiran dengan tempat kampung Lenggeng yang ada sekarang, tetapi agak jauh sedikit ke hulu”

“orang-orang di bawah Tan Ali mempunyai banyak kerbau dan hidup dalam keadaan yang senang, bila cara mengejut sahaja mereka terpaksa meninggalkan tempat itu dan mencari perlindungan di pantai, akibat perlanggaran orang Rawa, yang pada waktu itu berhimpun di Kajang dan merupakan satu suku kaum yang kuat dan suka berperang.”¹³

¹² Martin Lister, 1887, *The Negeri Sembilan: 'Their Origin And Constitution,'* JSBRAS. hlm 35

¹³ Dipetik dari Abdul Samad Idris, 1968 ,*Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu Berhad..hlm 303

Lenggeng dan diikuti oleh empat orang Minangkabau di mana mereka yang hadir terkemudian ini dikenali sebagai Si Akhat, Kari Lahan, Mogeck (Megat) Perak dan Si Jerah.

Pada umumnya masyarakat Minangkabau memilih Lenggeng kerana mendapati lembah tersebut amat sesuai untuk tujuan perladangan serta mengerjakan sawah di samping tanaman lain seperti betik dan pisang. Oleh yang demikian ekoran daripada perkembangan bidang pertanian secara tidak langsung menyebabkan berlakunya penghijrahan suku Minangkabau dari Sumatera ke daerah Negeri Sembilan. Lenggeng iaitu untuk tempoh lima atau enam tahun sahaja dianggarkan tidak kurang dari 100 orang penghijrah dari Minangkabau.¹⁶

Panglima Garang Latun yang pada ketika ini berada di Lenggeng telah bercadang untuk melantik seorang Penghulu Dagang bertujuan mengetuai Masyarakat Minangkabau memandangkan wujudnya perkembangan populasi yang semakin ramai di daerah Lenggeng. Secara tidak langsung beliau telah menemui Datok Kelana Kawal bagi mengusulkan cadangan tersebut. Melalui usaha beliau itu, seorang yang berketurunan Banjar iaitu Datok Maharaja telah dilantik untuk menjadi Penghulu Dagang.¹⁷ Namun begitu, iaitu selepas perlantikannya Datok

¹⁶ Merujuk kepada 50 atau 60 tahun sebelum sejarah Lenggeng ditulis iaitu kira-kira pada tahun 1894.

¹⁷ Abdul Samad Idris. 1968, *Negeri Sembilan Dan Sejarah*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu Berhad..hlm 306

Maharaja telah diturunkan pangkatnya kerana disyaki terlibat mengambil padi zakat iaitu untuk kepentingan dirinya sendiri serta tidak membayar kadar hukuman yang dijatuhan ke atasnya.

Jawatan beliau kemudiannya digantikan oleh Kari Lahan, namun jawatan tersebut tidak dapat bertahan lama memandangkan Kari Lahan meninggal dunia dan telah digantikan oleh Haji Abdul Halim. Di bawah pentadbirannya beliau telah melantik empat orang ketua yang bergelar Datok Ampat bertujuan mengawasi kawasan-kawasan mukim Lenggeng.

- i: Datok Ampat Baginda Raja - telah bertugas di bahagian hilir
- ii: Datok Ampat Baginda Raja Lela - telah bertugas di Kuala Soh Poh
- iii: Datok Ampat Baginda Omar - telah betugas di Masjid
- iv: Datok Ampat Ta’alin - telah bertugas di Pekan Soh Poh¹⁸

Haji Abdul Halim meletak jawatan tidak lama kemudiannya kerana berhijrah ke Mekah dan sekembalinya ke tanah air, beliau tidak lagi terlibat serta memegang apa-apa jawatan lagi. Oleh itu, jawatan Penghulu Dagang telah diambil alih pula oleh Datok Ampat Raja Lela. Setelah memegang jawatan iaitu hampir lima tahun , beliau telah mengambil keputusan untuk pulang ke Minangkabau dan meninggal dunia di

¹⁸ Ibid.hlm 308

sana. Kedudukan beliau sebagai Penghulu Dagang dan Datok Ampat kemudiannya telah diambil alih oleh Tan Barang.

Jawatan ini kemudiannya diambil alih pula oleh Datok Ampat Baginda Omar yang berkhidmat selama lima tahun dan kemudiannya meletak jawatan kerana beliau mengambil keputusan untuk pulang ke tempat asalnya iaitu Minangkabau. Jawatan Penghulu Dagang ini kemudiannya digantikan oleh Dapat, beliau hanya berkhidmat selama lapan tahun kemudian telah digulingkan dan diganti pula oleh Tan Banah. Semasa Tan Banah menjadi penghulu iaitu hampir tujuh tahun terdapat suatu perselisihan di antara beliau dengan Baginda Omar. Persengketaan ini berpunca daripada pengumuman yang dibuat pihak kerajaan mengenai gaji yang akan diberikan terhadap penghulu sepanjang tempoh mereka berkhidmat.

Baginda Omar merasakan sesuatu yang tidak adil kerana semasa beliau berkhidmat dahulu langsung tidak di beri apa-apa ganjaran. Oleh yang demikian beliau pulang ke Lenggeng semata-mata kerana ingin menuntut ganjaran di atas perkhidmatannya dahulu. Tetapi tidak dipersetujui oleh Tan Banah memandangkan Baginda Omar tidak lagi menyandang jawatan sebagai Penghulu Dagang lagi. Namun dalam tempoh persengketaan ini tidak terdapat seorang pun yang menerima ganjaran dari pihak kerajaan.

Akibat daripada persengketaan inilah yang menyebabkan Datok Kelana Sungai Ujong (Datok Kelana Lela Setia Muhammad Yusuf Hashim 1881-1889) menjatuhkan Tan Banah dan kedudukan jawatan penghulu kemudiannya diberikan kepada Baginda Omar buat kali keduanya menjadi Penghulu Dagang. Setelah Tan Banah dijatuhkan pihak kerajaan mengambil keputusan untuk membayar semula gaji terhadap penghulu.¹⁹

Menjelang akhir abad ke sembilan belas dan awal abad ke dua puluh dapatlah di lihat Lenggeng sudah pun didiami oleh sebilangan besar orang-orang Minangkabau, sementara teraju pentadbiran dikuasai oleh suku Minangkabau dari tangan ke tangan.

1.1.1 Pola Penempatan

Secara amnya orang Minangkabau bolehlah dikaitkan sebagai perantau dari Sumatera Barat. Kebanyakan mereka lebih menumpukan Negeri Sembilan daripada negeri lain sekitar abad keempat belas, pendapat ini adalah selari dengan apa yang

¹⁹ ibid hlm 309

Haji Salleh yang sebelum ini tinggal di Mantin. Perpindahan mereka bertujuan untuk mengusahakan sawah padi dan tanah pertanian di bawah pengaruh Panglima Garang Latun.

Perkembangan pola penempatan mempunyai hubung kait dengan sikap tradisi komuniti Minangkabau itu sendiri yang gemar ‘merantau’ di samping mencari tempat yang sesuai bagi menjamin kehidupan terutamanya dari segi ekonomi.

1.2 UNSUR KEBUDAYAAN ASLI YANG TERDAPAT DALAM KOMUNITI MINANGKABAU

1.2.1 Dari Segi Kepimpinan

Jawatan-jawatan besar yang terdapat di Lenggeng kebanyakannya di pegang oleh keturunan Minangkabau atau Rawa dari waris sebelah pihak perempuan mengikut adat perpatih iaitu mengikut keturunan sesuatu kaum adalah titisan sebelah ibu. Maknanya komuniti tersebut mempraktikan sistem kekeluargaan matrilineal iaitu perwarisan mengikut susur galur sebelah ibu, sehubungan dengan ini seseorang yang hendak dicalonkan sebagai Penolong Penghulu telah ditolak memandangkan ibunya bukan dari golongan Minangkabau. Penolakan ini disebabkan sekiranya seseorang

Penghulu Dagang atau lain-lain jawatan hendak di sukai ramai di Lenggeng harus terdiri daripada kalangan orang Minang dan dilantik oleh Datok Ampat.²³ Sebagai contoh pernah terjadi satu peristiwa pada tahun 1899 di mana anak kepada bekas Penghulu Dagang (Tan Banah) bernama Mohammad Yatim hendak di jadikan Penolong Penghulu tetapi memandangkan ibunya adalah seorang wanita yang berasal dari Rembau (bukan Minangkabau) telah membawa bangkangan keras dan ditolak oleh orang Minang di Lenggeng.²⁴

Situasi mula berubah, bila Negeri Sembilan di bawah pentadbiran Kerajaan British jawatan-jawatan yang dilantik oleh orang Minangkabau haruslah dipohon terlebih dahulu daripada Residen British. Kerajaan British berhak menggagalkan permohonan sekiranya di lihat tidak bersesuaian dan kerajaannya boleh menetapkan sesiapa sahaja tanpa mengira keturunan bagi memegang sebarang jawatan. Kerajaan British juga mengumumkan bahawa segala permasalahan haruslah di rujuk kepada Penghulu Dagang sebagai orang yang sangat penting dalam pentadbiran kampung. Oleh itu, orang Minangkabau di Lenggeng telah memohon kepada residen British agar jawatan Penghulu Dagang di berikan di kalangan Orang Minang.

Permohonan tersebut di buat melalui surat dari wakil orang Minangkabau yang telah dihantar oleh orang British yang berpusat di Sungai Ujong pada tahun

²³ M. Rashid Manggis Dt. Radjo Panghoelo, 1970, *Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau*, Jakarta: Padang Pandjang, hlm 136.

²⁴ Abd. Samad Idris, 1968, *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, hlm 311

1891. Cara yang sama juga di buat bagi segala jawatan seperti jawatan Kadi. Unsur kepimpinan seperti Penghulu Dagang, Datok Ampat dan lain-lain menjadi suatu yang harus dipegang di kalangan orang-orang Minang bagi mengambil peranan dalam menjalankan urusan adat perpatih. Tanpanya akan hilanglah budaya asli orang-orang Minang di Lenggeng. Pada hari ini adalah di lantik oleh Datok Ampat , Walau bagaimanapun bagi perlantikan jawatan Ketua Kampung ialah dari pihak kerajaan.

Pada keseluruhannya peranan Penghulu Dagang sangat penting bagi memandu anak buahnya dalam urusan adat istiadat, di samping mengadakan tugasan ekonomi seperti mesyuarat kampung, bergotong- royong dan lain-lain. Sementara Ketua Kampung berperanan dalam mengendalikan amalan Adat Perpatih. Peranan Datok Ampat dan Penghulu Dagang sangat penting memandangkan mereka merupakan tunggak kepada perbilangan adat yang menunjukkan betapa pentingnya tugasan tersebut seperti di bawah

“Berjanjang naik, bertangga turun
 Naik dijanjang yang di bawahkan
 Turun dari tangga nan di atas
 Alam beraja, luak berpenghulu
 Lembaga bersuku, suku bertua
 Anak buah beribu buapak”²⁵

²⁵ Untuk keterangan lanjut mengenai kepimpinan adat Perpatih terdapat di bawah perbincangan oleh Y.B Dato' Abdul Samad Idris “Kemurnian Dalam Adat Perpatih” dalam Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih , 10-12 April 1974, Majlis Belia Negeri Sembilan, hlm 5—8.

Jelaslah perbilangan ini membuktikan kepentingan Lembaga kepada suku, Penghulu terhadap Luaknya, Anak Buah Penghulu kepada Ketua keluarga mereka iaitu dengan kata lain setiap individu mempunyai peranan tersendiri.

1.2.2 Tradisi Adat

Lenggeng merupakan salah satu contoh kawasan yang masih lagi mengamalkan adat Perpatih yang di anggap begitu murni dan bersih, walaupun secara tidak menyeluruh. Maksudnya adat ini tidaklah dipergunakan dalam semua hal sebagai contoh di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng di mana Adat Perpatih tidaklah dipatuhi keseluruhannya seperti yang wujud di Minangkabau. Menurut Ketua Kampung dan Imam Masjid pemimpin-pemimpin kampung di pilih berdasarkan kebolehan mereka dan bukan lagi berupa warisan suku. Sementara harta pusaka pula di warisi mengikut syariat Islam (Al-Faraaid). Hal ini membuktikan sudah terdapat pengaruh atau penyerapan unsur-unsur luar akibat daripada proses integrasi dengan orang Melayu tempatan. Secara ringkasnya Adat Perpatih di Lenggeng tidaklah merupakan adat yang keseluruhannya berbentuk asli tetapi merupakan adat yang berkembang selari dengan peredaran zaman.²⁶

²⁶ Anuar Maarup, 1975/76 , “*Pergerakan Penduduk : Huraian dan Analisis,Satu ‘case’ di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng Negeri Sembilan,*” Latihan Ilmiah Jabatan Geografi UKM, hlm 29.

Adat perpatih yang sebenarnya diamalkan dalam lingkungan penyusunan prinsip-prinsip nikah kahwin tetapi unsur yang begitu di pentingkan ialah hidup bermuafakat, tolong-menolong serta bergotong-royong.²⁷ Sejajar dengan fenomena ini adat perpatih mempunyai sistem ekonomi yang harus di kerjakan bersama sebagai satu masyarakat terutamanya dalam bidang pertanian.

Secara keseluruhannya Negeri Sembilan merupakan negeri yang terkenal dengan Adat Perpatihnya. Adat ini telah di bawa turun temurun dari Tanah Seberang. Mengikut sejarah istilah perpatih di ambil sempena nama pengasasnya iaitu Datok Perpatih atau Nenek Perpatih atau Datok Perpatih Nan Sebatang. Beliau merupakan seorang yang menyusun satu peranan hidup dalam masyarakat suku bangsa Minangkabau di Negara Indonesia khasnya di daerah Sumatera Tengah.

Lama-kelamaan adat ini berleluasa mengikut mobiliti suku Minangkabau seperti yang terdapat di Negeri Sembilan pada hari ini. Di Indonesia adat ini masih lagi di gunakan oleh para penduduknya terutamanya dalam kehidupan sehari-hari. Adat Perpatih, mengikut orang-orang Minang haruslah dipertahankan walaupun secara tidak menyeluruh bak kata pepatah ‘Biar mati anak jangan mati adat’. Didapati di dalam Adat Perpatih ini, orang yang mengikut adat ini lazimnya hidup secara bersuku-sukuan. Kesukuan ini bererti keluarga di mana orang-orang yang

²⁷ Ibid, hlm 30

tergolong dalam sesuatu suku ibarat sebuah keluarga yang terdiri dari adik, sanak-saudara dan seumpamanya. Di Negeri Sembilan, masyarakat Adat Perpatih bolehlah dibahagikan kepada suku tersendiri²⁸ Tiap-tiap suku mempunyai nama masing-masing.²⁹ Walau bagaimanapun aspek sukuan sebenarnya telah berbeza dari asalnya akibat perkembangan setempat dan pengaruh kebudayaan tempatan. Pada asalnya di Sumatera hanya terdapat empat suku iaitu Bodi, Chaniago, Koto dan Piliang.

Sebagai contoh di Lenggeng ciri-ciri mementingkan tradisi bertani masih lagi di amalkan keran dapat mewujudkan organisasi ekonomi suku yang berasaskan suku di mana ahlinya terdiri daripada anggota suku tersebut. Secara tidak langsung mewujudkan semangat membantu dikekalkan dalam institusi ekonomi komuniti mereka sendiri.

Masyarakat Minangkabau merupakan masyarakat yang kaya dengan kata perbilangan yang merupakan satu unsur budaya yang masih kekal. Setiap ungkapan adat yang disimpulkan berdasarkan kejadian alam dan perbilangan adat merupakan satu permainan kata intelektual di mana setiap ungkapan mempunyai makna yang tersendiri. Kata-kata ini diambil bertujuan untuk dijadikan pedoman serta bimbingan

²⁸ Noridah Abd. Talib, 1977/78, “*Adat Perpatih di Negeri Sembilan*”, Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur,

²⁹ Terdapat 12 suku yang ada di Negeri Sembilan iaitu suku Biduanda (waris), Suku Batu Hampar, Suku Paya Kumboh, suku Mungkal, Suku Tiga Nenek , Suku Seri Melenggang Suku Seri Lemak, Suku Batu Belang, Suku Tanah Datar, Suku Anak Acheh, Suku Anak Melaka dan suku Tiga Batu.

- . Di Lenggeng perbilangan masih lagi diamalkan terutamanya sebagai nasihat, dalam mesyuarat dan upacara perkahwinan.

Di samping itu, terdapat juga kelainan bahasa di antara bahasa Minangkabau dengan bahasa Malaysia terutamanya dari segi lafaz yang mempunyai beberapa kosa kata yang berlainan seperti u-ua ‘duduk-duduak’, a-o ‘kuda-kudo’ dan lain-lain lagi.³⁰

Oleh yang demikian penjelasan mengenai kata perbilangan amat dipentingkan bagi mengekalkan status Minang di samping menjadi sebahagian daripada unsur kebudayaan masyarakat Minangkabau di Lenggeng dalam menghadapi norma-norma kehidupan bermasyarakat.

1.2.3 Tradisi Merantau

Istilah merantau bolehlah di sama ertikan dengan meninggalkan kampung halaman atau berhijrah ke tempat lain untuk mengubah taraf hidup. Sifat merantau merupakan satu fenomena yang bersifat sementara kerana perantau akan pulang ke tanah airnya setelah taraf hidupnya berubah, orang Minangkabau memanggil merantau sebagai ‘MENAHUN’, tetapi sekiranya mereka memilih untuk tinggal di tempat tersebut akan dipanggil sebagai ‘BERTANAHAIR’.

³⁰ Edwar Djamaris, 1982, “*Bahasa Melayu Minangkabau*”, Dewan Bahasa, hlm 346

kerantau bujang dahulu, di kampung berguna belum.'

Selalunya tumpuan perpindahan lebih kepada kawasan bandar sama ada bekerja, melanjutkan pelajaran atau memasuki tanah Felda³⁵. Sehubungan kewujudan tanah rancangan Felda seperti Felda Sendayan yang berdekatan dengan Seremban merupakan contoh yang besar kerana terdapat sekelompok besar orang Minang dari Lenggeng. Mereka berpendapat dengan kemasukan ini akan dapat mengubah dan memperbaiki taraf hidup. Walaupun telah lama menetap iaitu sejak 18 atau 20 tahun yang lalu mereka juga tidak lupa untuk pulang ke kampung halaman sekiranya ada perayaan atau pun kenduri kendara bagi mengelakkan perpecahan di antara sesama suku.

Secara umumnya bentuk migrasi masyarakat Minangkabau bolehlah dibahagikan kepada dua ciri utama iaitu sebelum perang Dunia kedua dan selepas perang Dunia Kedua, di mana pada peringkat sebelum perang pergerakan mereka lebih tertumpu di kawasan Lenggeng. Tetapi perbezaan berlaku dengan ketara di mana selepas berakhirnya perang konsep merantau lebih tertumpu kepada golongan anak muda untuk keluar dari Lenggeng. Dalam masyarakat Minang (adat Perpatih) anak lelaki di pandang sebagai sumber ekonomi. Pengalaman dan kekayaan yang

³⁵ Anuar Maarup, 1975/76, 'Pergerakan Penduduk: Huraian Dan Analisis Satu 'case' Di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, Negeri Sembilan" hlm. 35 39

diperolehi dari merantau haruslah dibawa pulang dan keadaan ini dapat di lihat melalui perbilangannya:³⁶

“Sekenyang-kenyang banting,
Rumput dimamah jua,
Sejauh-jauh melanting,
Jatuh ke tanah jua.”

Namun begitu, bagi golongan yang telah tua (meningkat usia) masih lagi tinggal di Lenggeng dan tidak pulang ke tanah air di samping ada yang telah berkahwin dengan masyarakat tempatan. Semasa dahulu merantau hanya terhad kepada kaum lelaki atau golongan muda sahaja. Tetapi sekiranya mereka telah berkahwin, isteri akan ditinggalkan kerana akan menyebabkan berlaku kesulitan semasa dalam perjalanan. Selepas Merdeka konsep merantau telah berubah sama sekali, di mana sudah ada yang melibatkan golongan wanita mula berhijrah keluar dari Lenggeng mengikut suami.³⁷

Di sini dapatlah di jelaskan konsep tradisi merantau masih lagi diamalkan oleh sebilangan besar masyarakat Minangkabau di kawasan Lenggeng. Tradisi merantau sebenarnya telah membawa keuntungan yang berlipat kali ganda dan yang

³⁶ Idris Hj Tain, 1974, “Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan”, dalam Kertaskerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, hlm. 4

³⁷ Nordin Selat, 1976, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributor Sdn. Berhad, hlm. 98.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu Berhad.
- Anuar Maarup. 1975/76. "Pergerakan Penduduk : Huraian dan Analisa Satu 'case' Di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, Negeri Sembilan". Latihan Ilmiah Jabatan Geografi. UKM.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewaan Bahasa Dan Pustaka.
- Emerson Rupert. 1979. *Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Graham Saunders. 1978. *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Berhad.
- J. Conde. 1979. *Rural Development Concept And Objectives*. Dev. Centre Of The Organisation For Economic Co-operation And Paris.
- Joginder Singh Jessy. 1979. *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independent In Malaya, 1945-1957*. Selangor : Institute For Social Analysis (INSAN).
- M.Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoelo. 1970. *Negeri Sembilan Hubungannya dengan Minangkabau*. Jakarta : Padang Pandjang.
- Meek. C.C. . 1943. *Land Law And Custom In The Colonies*. London : Oxford University Press.
- Mochtar Naim. 1979. *Merantau- Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Jakarta : Gadjahmada University Press.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- _____. 1976. *Sistem Sosial adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- Ooi Jin Bee. 1976. *Penisular Malaysian*. Hong Kong.

- Parkinson C.N. .1960. *British Intervention In Malaya 1867-1877*. Singapore : University Of Malaya Press.
- Shamsul Bahrin. 1964. "The Indonesians In Malaya". University Of Sheffield (M.A).
- Wilkinson R.J. 1971. *Papers On Malay Subject*. Oxford University Press.

JOURNAL

- Gullick J.M. 1948. "Sungai Ujong. JMBRAS, 22 (2).
- Lister.M. 1887. "The Negeri Sembilan: Their Origin And Constitution. JMBRAS.
- Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History, Polity And Belief Of The Nine States". JMBRAS, 12 (3).

LAPORAN

- "Ke arah pertanian moden Di Malaysia: 75 Tahun pertama Jabatan Pertanian", Jabatan Pertanian Malaysia.
- Federal Malaya States, "Report On The Present System Of Forest Administration In The FMS With suggestion For The Future Management Of The Forest Of Those States By H.C. Hill", Kuala Lumpur, 1900
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1902 By Walter Egerton", Kuala Lumpur.
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1903 By Frederick Joseph Weld", Kuala Lumpur
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1906 By R.C. Grey", Kuala Lumpur
- Laporan Tahunan 1972, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1973, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1974, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1975, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1897-1917

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1946

Negeri Sembilan States Development Office, "Ringkasan Rancangan-rancangan Bagi Tiap-tiap Daerah Dan Rancangan –rancangan Lima Tahun Kedua Pembangunan Luarbandar 1964-65

Rancangan Buku Hijau, Panduan Tindakan Daerah, Kerajaan Malaysia, Disember 1974

FAIL

British Military Administration, 1942-47, Depl No. Dept/9/4, "Colonial Of Food, Imports For Feeding Population In 1946

British Military Administration, 1942-47, Fail No. Dept/9/4, "Food Control And Rationing Food Situation Malay Peninsula".

Fail Negeri Sembilan British Resident's Office, (NS 20), 3081/07

MAJALAH

Edward Djamaris, 1982, "Bahasa Melayu Minangkabau", dalam Dewan Bahasa

KERTAS KERJA

Abdul Samad Idris, 1974, " Kemurnian Dalam Adat Perpatih", dalam Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan

Ahmad Fuad Muhammad, Esmawi Othman, Nafisah Hj. Hassan, Shahbuddin Abu, "Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia-Mukim Setul, Lenggeng Dan ulu Beranang", Pusat Perkembangan Dan Pendidikan Lanjutan, Kertas Seminar, Penerbitan Perkembangan No. 8, KDN 9701.

Faridah Hj. Mohd. Zubir, 1987, "Sejarah Pendudukan Jepun Di Tanah melayu 1942-45", Maktab Perguruan Sultan Idris, Kertas Kerja,

Noridah Abd. Talib, 1977/78, "Adat Perpatih Di Negeri Sembilan", dalam Kertas Kerja, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur

SENARAI NAMA RESPONDEN

Nama : En. Rahman b. Taid

Umur : 75 tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 12 Januari 2001

Nama : Tuan. Hj. Abu Bakar B. Mohd Raiz

Umur : 77 Tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Sharif b. salim

Umur : 75 Tahun

Pekerjaan : Pesara

Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Mohd Nawi b. Yatim

Umur : 74 Tahun

Pekerjaan : Pesara


Alamat : Kampung Medom,

Lenggeng,

Negeri Sembilan

Tarikh temubual : 21 Januari 2001

LAMPIRAN



جامعة ماليزيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN SEJARAH

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN & KEMANUSIAAN

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

Tel: 03-8292711

Fax: 03-8293290

Jabatan Sejarah

UKM 1.8.4/10/2

Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan

Tarikh:

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Prof. /Dato'/Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Sdr./Sdri. MOHD MARWAZI BRAHMI (No. Matrik: A 66789) adalah seorang pelajar Tahun Akhir (Kepujian) Jabatan Sejarah, Program KYM-UKM yang sedang menjalankan penyelidikan untuk penulisan kertas projek sebagai memenuhi syarat mendapatkan ijazah sarjana sastera dengan kepujian di bidang Sejarah.

2. Oleh yang demikian besarlah harapan saya agar sudi kiranya pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan dapat membenarkan beliau membuat rujukan bahan-bahan yang berkaitan di tempat Prof./Dato'/Tuan/Puan sepanjang penyelidikan dilakukan.

Segala kerjasama dan bantuan dari pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

Yang benar,

PROF. MADYA DR. KHAZIN MOHD. TAMRIN

Ketua

Jabatan Sejarah

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

Lampiran 2


Peta Semenanjung Malaysia



Sumber : A History Malaysia, Barbara Watson Andaya, Leonard Y. Andaya, 1982.

Lampiran 3

Peta Negeri Sembilan



Sumber : Pejabat Pelancongan Negeri Sembilan

FOTO 1



Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin



Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2




Surau Kampung Mendor, Lenggeng




Sungai Lenggeng

FOTO 3



Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui



Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan